

MAJLIS PERASMIAN HOTEL EQUATORIAL PULAU PINANG
BAYAN LEPAS, PULAU PINANG, 19 SEPTEMBER 1990

Yang Berbahagia Encik Lim Kong Way

Pengarah Urusan Hotel Equatorial;

Dif-dif kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan Hotel Equatorial ini kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan hotel yang indah ini. Perasmian hotel ini menandakan bertambahnya kemudahan penginapan di Pulau Pinang yang semestinya menjadi petanda baik bukan sahaja bagi Pulau Pinang bahkan juga bagi industri pelancongan negara. Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Industri Pelancongan di Malaysia telah menunjukkan potensi untuk berkembang dengan baiknya selepas kita melaksanakan Tahun Melawat Malaysia 1990 selama 8 bulan yang lalu. Kedatangan para pelancong asing telah meningkat tahun demi tahun dan angka ini telah meningkat dengan lebih pesat lagi tahun ini. Dalam 7 bulan pertama tahun ini iaitu daripada Januari sehingga Julai, angka tersebut telah meningkat kepada 4.2 juta orang pelancong. Kerajaan yakin matlamat Tahun Melawat Malaysia, iaitu seramai 4.3 juta orang pelancong, mungkin juga telah tercapai sekarang ini.

3. Salah satu objektif utama meningkatkan idustri pelancongan ialah menjadikan industri ini sebagai salah satu jentera penggerak untuk membangunkan ekonomi negara. Ukuran dari perspektif ini ialah pendapatan tukaran wang asing yang telah meningkat dengan tingginya. Pendapatan wang asing bagi 7 bulan pertama tahun ini ialah 2.4 billion ringgit. Kerajaan yakin pendapatan tersebut akan melebihi 4 billion ringgit sehingga hujung tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan dan juga galakan bagi meningkatkan pelancongan di negara kita. Begitu juga pihak swasta telah memainkan peranan penting dalam usaha ini. Walau bagaimanapun masih banyak lagi yang patut kita tambah dan perbaiki lagi supaya usaha menggalakkan pelancongan ini tidak terbantut. Salah satu kekurangan kita ialah kekurangan kemudahan penginapan kadar sederhana dan murah seperti chalet, motel, rumah tetamu, ho- tel sederhana untuk memenuhi keperluan para pelancong yang kurang kemampuan. Penyediaan penginapan yang mewah mungkin mencukupi buat masa ini. Tetapi untuk menggalakkan pelancongan, kemudahan penginapan yang berharga sederhana dan murah hendaklah disediakan dengan secukupnya oleh kerana sebahagian besar para pelancong luar negeri, serta juga dalam negeri, memerlukan kemudahan-kemudahan tersebut.

5. Dengan kekurangan kemudahan penginapan sederhana dan murah tadi, terdapat sekarang ini pihak-pihak pengusaha penginapan seperti hotel yang menaikkan kadar sewa hotel mereka. Langkah seperti ini akan hanya membawa keuntungan jangka pendek; sebaliknya dalam jangka panjang, amalan seperti ini bukan sahaja merugikan negara bahkan juga merugikan pengusaha-pengusaha hotel sendiri. Keuntungan operasi hotel sepatutnya bersandarkan kepada kadar penginapan atau occupancy rate yang tinggi, dan sehubungan dengan ini, kadar sewa yang rendah akan dapat meningkatkan kadar penginapan. Kadar penginapan yang tinggi akan juga melariskan perkhidmatan hotel yang lain seperti makanan dan minuman atau food and beverages.

6. Di samping pengusaha-pengusaha hotel memikirkan kepentingan jangka panjang itu, kita harus juga menambah kemudahan-kemudahan penginapan sederhana dan murah ini. Dengan terbinanya lebih banyak kemudahan penginapan sederhana dan murah Kerajaan yakin kadar sewa hotel akan seimbang dan lebih kompetitif. Para pelancong asing dan tempatan akan mempunyai banyak pilihan. Kerajaan yakin apabila kemudahan tersebut mencukupi, pihak-pihak hotel tidak akan menaikkan kadar sewa sewenang-wenangnya.

7. Kita harus sedar bahawa sebahagian besar para pelancong asing ke negara kita ini -- iaitu kira-kira 70% -- adalah daripada negara-negara ASEAN, terutama Singapura. Para pelancong ASEAN ini biasanya memerlukan penginapan jenis sederhana dan murah. Kita berharap lebih ramai para pelancong dari negara-negara jiran ini akan melancong ke negara kita apabila terdapatnya kemudahan penginapan yang sederhana dan murah yang mencukupi.

8. Penyediaan penginapan jenis sederhana dan murah juga akan secara langsung dapat membantu usaha kerajaan untuk meningkatkan pelancongan tempatan atau domestic tourism. Ramai rakyat Malaysia yang melancong dalam negara yang hanya berupaya membayar kadar sewa di penginapan-penginapan sederhana dan murah. Kerajaan memang menekankan pentingnya meningkatkan lagi pelancongan tempatan ini untuk mengurangkan pengaliran wang negara ke luar negeri. Pelancongan tempatan juga akan menebalkan lagi perasaan bangga dan cintakan negara di kalangan rakyat kita sendiri, apatah lagi kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di negara sendiri bertambah baik. Dalam perspektif ini kerajaan akan juga menggalakkan pelancongan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Pelancongan sebegini akan meninggikan semangat integrasi nasional.

9. Dengan itu Kerajaan berharap pengusaha-pengusaha swasta, terutama mereka yang telah lama menceburi dalam industri pelancongan, supaya memberi penekanan yang lebih untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan penginapan sederhana dan murah ini. Kerajaan berharap arus kemasukan para pelancong asing ke negara bukan sahaja meningkat semasa Tahun Melawat Malaysia ini, bahkan juga pada tahun-tahun yang akan datang. Kerajaan juga berharap supaya pelancongan tempatan yang telah meningkat akan terus meningkat dengan pesatnya. Kerajaan yakin bahawa industri

pelancongan akan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara ini bersama- sama dengan industri pembuatan serta pertanian. Dengan sokongan semua pihak cita-cita kerajaan memajukan industri pelancongan ini akan berjaya akhirnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Mengenai pelancongan di Pulau Pinang pula, kadar penginapan hotel atau hotel occupancy rate sangatlah memuaskan. Dengan adanya hotel-hotel baru seperti Hotel Equatorial ini, kerajaan yakin Pulau Pinang akan terus dapat menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Mutiara ini.

11. Sekali lagi saya mengucapkan penghargaan kepada pihak pengurusan Hotel Equatorial ini kerana memberi peluang kepada saya berucap dan merasmikan hotel ini. Kerajaan berharap hotel ini akan dapat memberi perkhidmatan yang bermutu kepada para pelancong, bukan sahaja bagi kepentingan hotel ini sendiri tetapi juga bagi meningkatkan imej pelancongan negara.

12. Dengan harapan tersebut saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Hotel Equatorial ini.